

KHUTBAH JUMAAT

“FALSAFAH IBADAH HAJI DAN KORBAN” (26 Julai 2019M/ 23 Zulkaedah 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيِّ أُرْسِلَ لِلْأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ
تَبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا
الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ

عميق

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan, ketaqwaan dan semangat ukhuwwah dalam kehidupan seharian. Ini kerana dengan keimanan dan ketaqwaan yang jitu serta ukhuwwah yang kukuh akan menjadi wadah untuk kita mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan membicarakan tajuk “**Falsafah Ibadah Haji Dan Korban**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sekarang kita telah pun berada dalam bulan Zulkaedah iaitu salah satu bulan daripada bulan-bulan haji. Bulan-bulan haji yang dimulai dengan bulan Syawal, kemudiannya Zulkaedah dan seterusnya sepuluh hari daripada bulan Zulhijjah merupakan musiam umat Islam dari seluruh pelusuk dunia pergi ke Makkah al-mukarramah dan kawasan sekitarnya untuk menunaikan kefardhuan ibadat Haji yang merupakan rukun Islam yang kelima.

Ibadah haji adalah satu kewajipan yang telah ditentukan oleh Allah *subhanahu wata'ala* ke atas setiap individu muslim sama ada lelaki atau perempuan yang berkemampuan, sama seperti kewajipan mengerjakan rukun Islam yang lain seperti solat, puasa dan zakat. Apa yang membezakannya dengan rukun Islam yang lain ialah ianya wajib dikerjakan sekali sahaja seumur hidup. Perintah menunaikan ibadah haji ini termaktub di dalam al-Quran melalui firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah Aali Imran, ayat 97:

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ ^ص وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ^ق وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ ^ح
الْبَيْتِ مَنْ أَسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ^ع وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ^{٩٧}

Maksudnya : *Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai*

kepadaNya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

Tuntutan wajib bagi menunaikan ibadat haji ke atas setiap umat Islam juga telah ditegaskan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* melalui sabdanya dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud *rahimahullah* dan Imam an-Nasai'e *rahimahullah* yang bermaksud :

Bahawasanya al-'Aqra' bin Habis pernah bertanya, Wahai Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, "Adakah menunaikan ibadah haji itu wajib pada tiap-tiap tahun atau satu kali sahaja ?" Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda : ((Ya, yang wajib hanyalah satu kali sahaja. Sesiapa yang mahu menambahkannya maka haji tambahan itu menjadi tatawwu' (sunat))).

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, setiap ibadah yang disyariatkan dalam Islam mengandungi falsafahnya yang tersendiri untuk dihayati dalam kehidupan. Begitu juga dengan ibadah haji. Antara falsafah ibadah haji ialah sebagai bukti keesaan dan keagungan Allah *subhanahu wata'ala*. Tanda-tanda kekuasaan Allah *subhanahu wata'ala* yang terkandung dalam ibadah haji sangat jelas dan tegas, sehingga penting untuk disaksi dan dipersaksikan kepada seluruh umat manusia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Aali Imran, ayat 97 :

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا مَكَامُ إِبْرَاهِيمَ ^ص وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ...

Maksudnya : *Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; diantaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya, aman tenteramlah dia ...*

Tanda-tanda kebenaran di tempat suci itu begitu banyak dan jelas. Sangat penting agar seluruh umat manusia menyaksikan dan menceritakan hal-hal tersebut. Allah *subhanahu wata'ala* memelihara bekas tapak kaki Nabi Ibrahim *alaihissalam*. Bapa para Nabi ini begitu gigih memperjuangkan ajaran tauhid sehingga Allah mengurniakan kepada baginda kemuliaan yang banyak, hinggakan bekas tapak kaki baginda diabadikan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dan ditempatkan bersebelahan dengan Ka'bah yang suci.

Di sana juga terpancar mata air zamzam iaitu mata air yang mengalir keluar dengan derasnya di sebuah kawasan lingkungan padang pasir berbatu yang jarang mengalami hujan. Satu bukti kekuasaan Allah kepada seluruh umat manusia bahawa Allah berkuasa melakukan apa sahaja yang Dia inginkan meskipun tidak lazim menurut perhitungan dan fikiran manusia.

Di sana juga ada bukit Safa dan Marwah yang menyaksikan keteguhan iman seorang ibu iaitu Hajar dalam menghadapi ujian, dan kesungguhannya mengatasi permasalahan yang secara sepintas lalu tampak mustahil untuk diatasi. Ketokohan seorang

wanita beriman yang bukan sekadar mampu bertahan dalam keadaan yang sukar, malah berjaya pula mendidik seorang anak yang akhirnya menjadi seorang nabi iaitu Nabi Ismail *alaihissalam*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mereka yang belum berkesempatan mengerjakan haji pula, tetapi mempunyai harta dan rezeki yang mencukupi, maka sebagai umat yang cintakan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* hendaklah mereka berazam melakukan ibadah korban sebagai mencontohi amalan para solihin agar kehidupan mereka mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah *subhanahu wata'ala*. Galakan untuk melakukan ibadah korban ini termaktub melalui firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Hajj, ayat 34 :

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ
فَإِلَهُكُمْ إِلَهُ وَاحِدٌ فَلَهُ رَأْسُ الْوَحْيِ وَأَسْلَمُوا وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya : *Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaan-Nya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepada-Nya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat -*

Dalam hadis riwayat Imam Abu Daud *rahimahullah*, daripada Abdullah bin Aun berkata, bersabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* :

« يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ عَلَى كُلِّ أَهْلِ بَيْتٍ فِي كُلِّ عَامٍ أُضْحِيَّةً »

Maksudnya : *Wahai manusia, sesungguhnya atas tiap-tiap ahli rumah pada tiap tahun telah disunatkan berkorban.*

Sesungguhnya, apabila sesuatu perintah daripada Allah *subhanahu wata'ala* dan rasulNya, yang merupakan perintah wajib, sunat ataupun haram, semuanya mempunyai falsafah dan hikmah yang hanya dapat diketahui, kebiasaannya selepas menunaikan perintah tersebut. Begitu juga dengan ibadah korban. Antara falsafah ibadah korban selain daripada bukti keesaan dan keagungan Allah *subhanahu wata'ala*, ialah sifat pengorbanan.

Ibadah korban menyedarkan kita bahawa untuk mencapai sesuatu matlamat yang baik sama ada untuk kebahagiaan duniawi mahupun ukhrawi, perlu kepada pengorbanan. Oleh sebab itu, segala usaha dan buah fikiran yang diberikan dengan nawaitu yang betul, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab adalah pengorbanan yang akan memberi keuntungan di dunia mahupun di akhirat.

Manakala, hikmah ibadah korban pula, salah satu daripadanya ialah seperti yang disebut dalam hadis Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud :

Daripada Abi Sa'id al-Khudri radhiallahu anhu, bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam pernah bersabda kepada Fatimah radhiallahu anha, ((Bangunlah, saksikanlah korbanmu itu. Sesungguhnya, titik pertama darahnya yang menitis itu diampuni bagimu dosamu yang telah lalu)).

(Hadis riwayat Imam al-Baihaqiy)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Justeru, sekiranya kita tidak berkesempatan untuk berkorban pada tahun ini, kita disyorkan untuk mengumpul wang bagi melaksanakan ibadah korban pada tahun-tahun yang akan datang. Sebagai umat Islam, marilah kita bersama-sama menyahut seruan Allah dan Rasul-Nya, agar melakukan ibadah korban.

Sebabnya, setiap wang dan harta yang Allah *subhanahu wata'ala* amanahkan kepada kita akan ditinggalkan di dunia sebaik sahaja tiba masa kematian menjemput kita dan yang kekal di akhirat hanyalah yang telah kita gunakan untuk berinfaq di jalan Allah termasuklah ibadah korban.

Di samping itu, dalam keghairahan kita melaksanakan ibadah korban pada kali ini, hendaklah dipastikan agihan daging korban itu sampai kepada orang yang benar-benar memerlukannya. Selari dengan seruan itu, perbanyakkanlah pelaburan akhirat dengan melaksanakan ibadat korban, dan amal ibadah yang lain agar kita diredhai oleh Allah *subhanahu wata'ala* serta termasuk dalam

golongan orang yang salih dan siddiqin. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam surah an-Nur, ayat 51 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: "Kami dengar dan kami taat": dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ
اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا
قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadrat-Mu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.